

12/08/2003

Adegan 3R dipotong LPF kerana merosak akhlak?

Halina Mohd Noor

MEMBESARKAN anak remaja tidak semudah disangka kerana pada peringkat usia begini remaja mendepani pelbagai cabaran untuk mencari jati diri. Tersilap langkah pastinya terjebak ke kancah tidak diingini. Justeru, amat penting golongan ini diberikan panduan dan nasihat agar tidak mudah tersasar daripada landasan budaya mahupun agama.

Hakikatnya, tidak semua perkara boleh dikongsi di antara ibu bapa dan anak. Budaya yang diamalkan sejak zaman-berzaman mewujudkan jurang di antara dua generasi ini untuk tidak bercakap mengenai perkara sensitif membabitkan persoalan seks dan perkara berkaitannya. Benarkah sikap tidak terbuka ibu bapa dan masyarakat untuk membincangkan persoalan sedemikian menimbulkan semacam perasaan aneh remaja terhadap isu ini?

Sampai bila ibu bapa harus menyembunyikan perkara yang dianggap rahsia, manakala remaja terus tercari-cari jawapannya dan dalam masa sama masalah seks, dadah, hubungan sejenis terus berleluasa?

Menjawab tanda tanya sebahagian besar persoalan yang bermain di fikiran remaja, rancangan 3R (respek, relaks, respon) memaparkan isu yang dianggap 'pantang' oleh masyarakat. Bertepatan dengan isu semasa yang melanda remaja, 3R membangkitkan isu yang sukar untuk dibincangkan oleh ibu bapa kepada anak seperti penyakit kelamin, lesbian, dadah dan gangguan seksual.

Kata penerbitnya, Datuk Paduka Marina Mahathir dan Lina Tan, rancangan yang semakin popular itu menerima 150 e-mel sehari daripada remaja berusia antara 15 hingga 22 tahun yang meminta mereka menyiarkan pelbagai topik berkaitan seks serta kesannya terhadap golongan muda termasuk hubungan sejenis dan sebagainya.

"Ini menunjukkan remaja dan golongan muda benar-benar memerlukan maklumat mengenai perkara ini tetapi mereka tidak tahu di mana untuk mencari sumber yang boleh dipercayai. Inilah matlamat 3R, iaitu untuk membincangkan persoalan ini secara lebih terbuka dalam 'bahasa' remaja agar ia lebih mudah difahami. 3R bertujuan mendidik remaja berkenaan isu yang hakikatnya berlaku dalam kehidupan seharian mereka seperti seks bebas, penyakit kelamin, hubungan sejenis, dadah dan sebagainya," kata Marina.

Marina berkata, sekiranya maklumat betul tidak diberikan maka tidak mustahil remaja akan mendapatkan maklumat salah daripada mereka yang tidak bertanggungjawab. Dalam dunia globalisasi hari ini, remaja terdedah kepada pelbagai maklumat dari internet yang boleh mendorong mereka melakukan tindakan yang merugikan masa depan mereka.

"Sikap terlalu sensitif menyebabkan sesetengah rancangan 3R dipotong oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF) yang memberikan alasan isu seperti seks, hubungan sejenis dan dadah tidak boleh dibincangkan terlalu terbuka. Misalnya, baru-baru ini episod 'Pil saja, takkan apa' yang menceritakan isu dadah dan wanita terpaksa menghadapi enam potongan kerana dianggap merosakkan akhlak serta mengelirukan masyarakat Malaysia.

"Adegan tiga wanita berbual mengenai pil ecstasy sambil berkata: 'I ambil ecstasy, tidak ada side effect' dan 'pil saja, bukan dadah sampai kena gantung' dikatakan mengelirukan masyarakat.

Kata Marina: "Sebenarnya, lakonan ini dibuat untuk menggambarkan apa yang remaja fikir mengenai ecstasy dan kami cuba membetulkannya dengan mematahkan semula mitos ini pada segmen temuramah dengan pekerja sosial dan pengalaman tiga wanita Indonesia yang pernah menagih dadah turut dipaparkan.

"Masalahnya, saya tidak rasa penonton kita terlalu bodoh sehingga tidak tahu yang mana baik dan buruk. Potongan yang dikenakan menyebabkan mesej yang cuba diberikan tidak kesampaian," kata Marina.

Beliau turut kesal kerana terlalu banyak hakikat sebenar yang tidak boleh ditonjolkan dalam 3R atas alasan remaja akan mencontohi apa yang dipaparkan di kaca televisyen. Katanya, masyarakat perlu membuka ruang agar isu yang dianggap sensitif ini dapat diperbincangkan secara lebih terbuka.

"Sekiranya kita ingin membantu golongan muda, kita perlu memaparkan hakikat sebenar yang berlaku dalam kehidupan remaja hari ini. Mengapa mesti menyembunyikannya sedangkan ia semakin parah dan menjadi penyakit sosial yang tidak mustahil sukar dirawat. Kekosongan dalam ruang ini menyebabkan remaja memilih sumber yang salah dan saya tidak faham mengapa rancangan lain yang lebih ganas dan tidak memberikan faedah dipaparkan dengan bebas tanpa sekatan. Mengapa filem menunjukkan pembunuhan secara terbuka boleh dipaparkan?" katanya.

Tan pula berkata, cara 3R mendekati penonton adalah yang terbaik pernah dilakukan berbanding kaedah berkhotbah atau berceloteh yang dianggap membosankan remaja.

"Kita perlu menyampaikan nasihat dalam bahasa remaja. Tindak balas yang diterima menunjukkan remaja sukakannya dan mereka mulai sedar mengenai keburukan sesuatu perkara yang dipaparkan. Ia memberikan pengajaran kepada mereka mengenai apa saja yang berkaitan dengan remaja. Kita hanya memaparkan apa yang berlaku dalam masyarakat di sekeliling dan melakukan penyelidikan intensif sebelum memaparkannya. Misalnya, sebahagian remaja terbabit dengan dadah tetapi mereka tidak sedar kesannya," katanya.

Katanya, sejak disiarkan di TV3 dan Astro, 3R mempunyai 1.2 juta penonton, iaitu dari usia 15 hingga 55 tahun. Rancangan berkenaan turut mendapat sambutan di Singapura, Brunei Darussalam dan Indonesia malah adalah program televisyen Malaysia yang pertama di eksport ke India dan Indonesia.

"Kita perlu wujudkan ruang untuk membincangkan perkara berkaitan masalah sosial yang melanda masyarakat hari ini. Apa yang kita paparkan turut menjadi topik perbincangan antara ibu bapa dan di sekolah. Malah ramai remaja yang menghubungi kami gembira kerana topik yang dipaparkan sukar untuk dibincangkan dengan ibu bapa masing-masing," katanya.